

26/08/2001

Satria jelajah dunia

Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR: Berbekalkan kereta Satria GTi dengan nombor plat MAS 2001, Shamsurijjal Abdul Jamil, dijangka memulakan jelajah Jalur Gemilang II, Jumaat ini, serentak sambutan perayaan Hari Kemerdekaan negara ke-44.

Jalur Gemilang II yang disifatkan sebagai susulan kepada kejayaan membanggakan Datuk Azhar Mansur melalui projek pelayaran solonya, Jalur Gemilang, akan mengelilingi dunia dalam tempoh enam bulan.

Berbekalkan moto 'Jalur Gemilang II Menakluki Dunia' dan konsep daripada rakyat untuk rakyat, Shamsurijjal, 36, berkata misi utamanya ialah untuk memperkenalkan dan mempromosi pelbagai produk Malaysia terutama kepakarannya dalam bidang teknologi kepada dunia.

Justeru, semua kelengkapan yang digunakan adalah hasil buatan syarikat teknologi tempatan, termasuk rangkaian teknologi telekomunikasi satelit yang akan mengawasi jelajahnya.

"Saya mendapat ilham ini November lalu, iaitu ketika memandu ke Bangkok bersama keluarga. Reaksi dan sambutan baik di sepanjang jalan kerana saya seorang rakyat Malaysia, membuatkan saya tertarik dan bertekad untuk menjelajah mengelilingi dunia.

"Mulanya agak sukar untuk direalisasikan, malahan keluarga terdekat juga agak sangsi. Tetapi selepas mendapat sambutan baik terutama daripada beberapa syarikat yang sudi untuk menjadi penaja, semangat saya semakin kental," kata ayah kepada empat anak ini.

Pertemuannya dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, April lalu, menguatkan tekadnya, walaupun Perdana Menteri meminta beliau berusaha sendiri mendapatkan bantuan dan tajaan bagi projek berkenaan.

"Kerana itu antara lain saya meletak jawatan sebagai juruukur bahan di sebuah syarikat dan menjual satu daripada harta tetap saya untuk dijadikan modal awal," katanya.

Walaupun projek ini kini mendapat tajaan dari segi bantuan peralatan, teknikal dan teknologi, Shamsurijjal masih memerlukan tunai kira-kira RM500,000 bagi jelajahnya.

Antara lain kegunaan tunai itu adalah untuk penyelenggaraan kereta, minyak, penginapan, makanan serta pengangkutan udara atau laut.

Laluan kira-kira 80,000 kilometer dari Malaysia ke arah utara Thailand, Myanmar, Bangladesh, India, Pakistan, Afghanistan, Iran, Iraq, Arab Saudi, Jordan, Israel, Mesir, Syria, Turki, Greece, Albania, Serbia & Montenegro, Bosnia, Croatia, Slovenia, Itali, Perancis, England, Scotland (kenderaan diterbangkan), Kanada, Amerika Syarikat, Mexico, Guatemala, El Salvador, Nicaragua, Costa Rica, Panama, Colombia, Peru, Bolivia, Argentina (kenderaan diterbangkan), New Zealand (kenderaan diterbangkan), Australia (kenderaan diterbangkan), Indonesia (kenderaan diterbangkan), Singapura dan kembali ke Malaysia.

Justeru, Shamsurijjal berharap projek ini akan turut disertai rakyat Malaysia dengan memberi sumbangan RM1 seorang.

"Ketika ini saya tidak mempunyai tajaan tunai lagi, tetapi saya mempunyai semangat. Saya yakin rakyat tidak keberatan untuk menyumbang RM1 kepada projek yang bertujuan untuk meningkatkan martabat negara," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Bumi Auto & Services Sdn Bhd, Roslan Ramli, yang menaja Satria GTi untuk kegunaan Shamsurijjal turut menawarkan pakej istimewa kepada pembeli kereta di syarikat berkenaan.

"Setiap pembeli kereta di syarikat ini yang menderma RM1, kami akan turut memberi sumbangan RM100. Tawaran ini bermula Isnin ini (27 Ogos)

sehingga 5 September depan," katanya.

Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada Norin pada telefon 41428808 atau 41439808.

(END)